

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2024**

**MPP 3
SEJARAH
KERTAS 2**

Nama :

Kelas :



DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



NAMA: TINGKATAN:

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

MPP 3 TAHUN 2024

SEJARAH SPM (TINGKATAN 5)

1249/2

Kertas 2

September/ Oktober

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
3. Jawab semua soalan di Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.
4. Tulis jawapan bagi Bahagian A dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan
5. Tulis jawapan bagi Bahagian B dan kertas jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
6. Anda boleh menggunakan Kertas Helaian Tambahan jika helaian dalam kertas Jawapan tidak mencukupi.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
8. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
9. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

1 Maklumat berikut merujuk kepada masyarakat dalam Kesultanan Melayu Melaka.

- Golongan pemerintah
- Golongan rakyat

(a) Senaraikan mereka yang termasuk dalam golongan pemerintah.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan peranan golongan pemerintah dan rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

(a) Golongan pemerintah

.....
.....

[2 markah]

(b) Golongan rakyat

.....
.....

[2 markah]

(c)

Kebajikan Rakyat Perlu diberi Keutamaan

Sumber: Artikel, Puan Enizahura binti Abdul Aziz,
<https://www.ikim.gov.my>

Uraikan pernyataan tersebut.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 2 Pada 25 Julai 1946, Kerajaan British telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kerja untuk membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

(a) Nyatakan dua perkara yang telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Kerja tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) Mengapakah Kerajaan British bersetuju untuk membentuk Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Jelaskan kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dalam usaha mengukuhkan negara bangsa Malaysia.

.....

.....


.....

.....

.....

[4 markah]

3 Rajah berikut berkaitan faktor yang mengukuhkan sistem persekutuan.



(a) Namakan dua peringkat kerajaan dalam sistem Persekutuan di negara kita.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Bagaimanakah kedua-dua faktor tersebut mampu mengukuhkan sistem Persekutuan?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Sistem Persekutuan memberikan manfaat untuk kesejahteraan rakyat seluruh negara.

Buktikan.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



- 4 Seiring dengan kemerdekaan negara, bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu.

(a) Bagaimanakah kedudukan Bahasa Melayu dalam Akta Bahasa Kebangsaan (Akta 32)?

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan usaha kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Logo slogan di bawah dilancarkan sebagai usaha mengukuhkan pembinaan masyarakat yang bersatu padu melalui bahasa.



Beri komen anda.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 5 Penjajahan Jepun di Tanah Melayu bermula apabila Tentera Darat Ke-25 Jepun menyerang Tanah Melayu pada 8 Disember 1941.

Sumber: <https://www.mkn.gov.my>

- (a) Jelaskan sumbangan organisasi berikut dalam usaha menentang serangan dan kemaraan tentera Jepun di Tanah Melayu.

(i) Rejimen Askar Melayu

[6 markah]

(ii) Force 136

[6 markah]


- (b) Teliti poster berikut.



Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

[8 markah]

- 6 Ketegangan hubungan antara kaum yang semakin meningkat selepas Perang Dunia Kedua menimbulkan kesedaran pemimpin kaum dan kerajaan British tentang kepentingan perpaduan. Oleh itu, Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) telah ditubuhkan pada Januari 1949.
- (a) Jelaskan isu-isu yang dibincangkan oleh CLC. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah CLC menyelesaikan isu-isu tersebut? [8 markah]
- (c) Teliti infografik berikut.



Sumber: Diubah suai www.penerangan.gov.my

Berdasarkan infografik tersebut, jelaskan usaha kerajaan untuk mengukuhkan kesejahteraan negara.

[8 markah]

- 7 Pembentukan Malaysia pada peringkat awalnya terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura. Pembentukan ini merupakan peristiwa penting dalam sejarah negara kerana pelbagai cara telah dilakukan untuk merealisasikan pembentukan Malaysia.

(a) Terangkan peranan jawatankuasa berikut dalam menjayakan usaha pembentukan Malaysia.

(i) Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)

[4 markah]

(ii) Suruhanjaya Cobbold

[4 markah]

(iii) Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)

[4 markah]

(b) "Sesungguhnya pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 banyak membawa kebaikan kepada negara, terutama bagi Sabah dan Sarawak".

Sumber : bharian.com.my 16 September 2020

Berikan ulasan anda.

[8 markah]

- 8 Tempoh pelaksanaan DEB (1970-1990), ekonomi Malaysia berkembang pesat. Usaha yang dilaksanakan melalui DEB diteruskan pula oleh Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

(a) Jelaskan latar belakang DPN.

[4 markah]

(b) Huraikan langkah kerajaan untuk mencapai matlamat DPN sehingga tahun 2000.

[8 markah]

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut;

Wilayah yang seimbang dan terangkum adalah penting untuk memastikan pembangunan sosioekonomi yang lebih saksama. Dalam tempoh kajian semula Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMK ke-12), pelbagai langkah telah diambil untuk mengoptimumkan potensi ekonomi wilayah, membangunkan bandar yang mampan, mentransformasi kawasan luar bandar dan memperkukuh pembangunan sosioekonomi negeri kurang membangun, termasuk Sabah dan Sarawak. Namun begitu, cabaran untuk merapatkan jurang pembangunan antara wilayah dan negeri serta kawasan luar bandar dan bandar masih terus wujud dan perlu ditangani bagi mencapai keseimbangan wilayah.

Dalam tempoh akhir RMK ke-12, tumpuan akan diberi untuk meningkatkan potensi ekonomi wilayah, mempercepat pembangunan bandar mampan dan mempergiat pembangunan luar bandar. Di samping itu, penekanan akan diberi kepada mengoptimumkan peluang daripada kerjasama subserantau serta mempergiat pembangunan di Sabah dan Sarawak.

Sumber : <https://rmke12.ekonomi.gov.my>.

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan dan huraikan kesan sekiranya masalah ketidakseimbangan pembangunan gagal diatasi oleh pihak kerajaan.

[8 markah]

- 9 Pelibatan Malaysia dalam negara serantau membolehkan negara kita menjadi anggota Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) yang memberikan manfaat dalam ekonomi, sosial dan politik.

- (a) Jelaskan latar belakang penubuhan ASEAN. [4 markah]
- (b) Terangkan sumbangan Malaysia dalam ASEAN. [8 markah]
- (c) Baca dengan teliti petikan berikut:

Dasar luar Malaysia dipengaruhi dan dibentuk oleh tiga faktor utama iaitu lokasi Malaysia yang strategik di Asia Tenggara, ciri-ciri Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan dan demografi penduduk yang unik. Prinsip asas dasar luar Malaysia masih kekal sejak kemerdekaan walaupun pendekatan kepada pelaksanaan dasar luar berubah berdasarkan faktor domestik dan faktor luaran semasa. Penggubalan dasar luar sentiasa berpandukan kredibiliti, konsistensi dan kepaduan untuk memelihara kepentingan negara. Pada masa yang sama, pengukuhan aspek-aspek hubungan dua hala dan pelbagai hala antara Malaysia dan dunia sejagat akan terus menjadi fokus penting. Kesejahteraan negara adalah berasaskan hubungan mesra dan kukuh dengan negara-negara lain.

Sumber diubah suai: <https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Dasar-Luar-Malaysia>

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesannya terhadap negara serantau.

[8 markah]